
KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan. SATU [1] soalan dari Bahagian A dan DUA [2] soalan dari Bahagian B. Setiap soalan mempunyai nilai markah yang sama.

Bahagian A:

1. Sejarawan budaya telah menggunakan isu-isu bahasa dalam cerita-cerita metos dan fiksyen untuk menyelidik dan memahami pemikiran sesuatu masyarakat.

Bahaskan sejauhmanakah pendekatan sejarawan budaya baru ini telah berupaya meluaskan ruang lingkup kajian sejarah?

2. Mengikut Hayden White di dalam bukunya, *The Content of the Form*, kisah-kisah sejarah (sejarah naratif) adalah hasil tertentu dari konsep-konsep kebenaran sejarah. Baginya sejarawan konvensional tiada sebab menganggap ia sahaja yang dapat menjelaskan apa yang telah berlaku di masa yang lalu. Kewibawaan kisah-kisah sejarah (yang benar dan juga yang fiksyen) adalah kewibawaan yang sebenarnya.

Bahaskan.

Bahagian B:

3. Mengikut Mohd. Taib Osman, dalam *Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture*, unsur-unsur metos merupakan hasil minda yang kritis tetapi bukan hasil pemikiran yang kritis yang disengajakan seperti yang terdapat dalam budaya di zaman kita sekarang.

Dengan menggunakan *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan *Cerita Rakyat Sabah* sebagai contoh, bahaskan sejauhmanakah anda boleh meneroka pemikiran masyarakat tempatan jika dihubungkan dengan pernyataan di atas.

4. Simbol atau lambang-lambang di dalam cerita-cerita rakyat mempunyai nilai-nilainya yang tersendiri. Untuk memahami makna simbol atau lambang-lambang ini, pengkaji sejarah hendaklah menggunakan pendekatan anthropologi.

Dengan menggunakan pendekatan anthropologi ini, sejauhmanakah anda boleh mentafsirkan maksud simbol dan lambang-lambang di dalam *Hikayat Si Gembang* dan *Cerita Rakyat Iban*, dan meletakkannya di dalam perspektif sejarah?

5. Sebagaimana di dalam kajian sejarah konvensional, cerita-cerita rakyat Malaysia juga mempunyai tema dan objektif-objektif tertentu di dalam naratifnya. Biasanya tema dan objektif-objektif di dalam cerita-cerita rakyat ini adalah berbentuk 'bukan sejarah'.

Dengan menggunakan cerita-cerita rakyat Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak), bahaskan, sejauhmanakah tema dan objektif 'bukan sejarah' di dalam cerita-cerita rakyat itu tidak menjejaskannya sebagai sumber sejarah yang berwibawa?

6. Mengikut Carlo Ginzburg (*Clues, Myths and the Historical Method*), cerita-cerita rakyat merupakan kumandang yang mencerminkan pengetahuan (dan pengalaman) yang terkumpul dari nenek moyang kita dari masa yang lalu, walau bagaimana kabur atau celaru kelihatannya sekalipun.

Dengan menggunakan cerita-cerita rakyat Malaysia yang anda ketahui, bahaskan sejauhmanakah pemikiran dan nilai-nilai masyarakat yang dikumandangkannya mencerminkan adanya kesinambungan di antara pemikiran masyarakat bawahan dan atasan dalam masyarakat Malaysia tradisional.

--oo000oo--